

UMS akan terus sokong program kemasyarakatan

NST 22-05-2012 7

KOTA BELUD: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan terus menyokong program kemasyarakatan untuk membantu lebih banyak keluarga miskin di negeri ini.

Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Hj Md Mansur berkata, program fasa pertama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) universiti itu ialah pembinaan rumah keluarga nelayan di Kampung Kupang Kuala Abai, Kota Belud.

Katanya, program 'Blue Ocean Strategy' itu dikendalikan bersama Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (Maskum).

"Program seumpama ini ternyata memberi kesan positif terhadap perkembangan insaniah kalangan pelajar terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja sukarela," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan kunci rumah kepada keluarga Tisek Sirom di perkampungan Nelayan Kg Kupang, Kuala Abai di sini, baru-baru ini.

Dr Kasim berkata, rumah keluarga Tisek itu didirikan secara bergotong-royong oleh pelbagai pihak termasuk JPAM, penduduk dan pelajar UMS yang menjadi anggota pasukan ala pertahanan Palapes, Suksis dan Sispa. Ia

siap dalam tempoh 15 hari.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur Datuk Japlin Akim, Prof Madya Dr Fadzil Che Din, Timbalan Naib Canselor Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM) yang juga Pengerusi Maskum IPTA Malaysia, Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS, Lt Kol Prof Madya Dr Ismail Ali dan Ketua Jabatan HEP UMS, Kpt Darwis Awang.

Sementara itu Japlin yang juga Adun Usukan menyifatkan program itu sebagai satu usaha murni para pelajar UMS dan anggota

JPAM Sabah dalam membantu masyarakat di Sabah.

Tisek ketika ditemui selepas majlis penyerahan rumah itu berterima kasih kepada semua pihak atas bantuan memperbaiki rumah keluarganya.

Dr Ismail selaku Pengerusi Maskum UMS menyatakan pihaknya akan memperluaskan lagi program 'Blue Ocean Strategy' itu dengan harapan lebih kerap pelajar dilibatkan bagi melahirkan modal insan yang prihatin dan berdaya usaha. - **OLEH MARRYAN RAZAN** (marryan@newsabahtimes.com.my)



SERAH KUNCI...Japlin menyerahkan kunci rumah kepada Tisek (kedua kiri), sambil disaksikan oleh Dr Kasim (kiri), Dr Ismail (kanan) dan Dr Fadzil (belakang).



GOTONG ROYONG...Sebahagian anggota sukarelawan yang terlibat dalam pembinaan rumah nelayan secara bergotong-royong.